


BAHAGIAN A

Arahan : *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Antaranya ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu.*

1. Manakah yang bukan daripada keluarga asas ?
 - A. ayah
 - B. datuk
 - C. abang
 - D. kakak
2. Yang berikut merupakan ruang di dalam rumah *kecuali*...
 - A. bilik stor.
 - B. Ruang tamu.
 - C. Bilik tidur.
 - D. Garaj.
3. Orang yang tugasnya mereka bentuk sesebuah rumah atau bangunan ialah ...
 - A. jurutera
 - B. juruelektrik
 - C. arkitek
 - D. kontraktor
4. Kemudahan-kemudahan yang berikut biasanya terdapat di kawasan bandar *kecuali* ...
 - A. balai raya
 - B. balai polis
 - C. hospital
 - D. pasar raya

5. Pencemaran udara menyebabkan penyakit seperti
 - I. sakit mata
 - II. penyakit bronkitis
 - III. lemah jantung
 - IV. cirit-birit
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan III
6. Antara industri-industri yang berikut, manakah yang menyebabkan masalah pencemaran air ?
 - I. industri mengilang papan
 - II. industri memproses getah
 - III. industri kimia
 - IV. industri elektronik
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan III

Soalan 7 hingga 9 didasarkan pada rajah yang berikut :



7. Hubungan Zaki dengan Siti adalah sebagai ...
 - A. cucu
 - B. anak tiri
 - C. sepupu
 - D. anak saudara
8. Sekiranya Ziana adalah kakak sulung Adam, Zaki harus memanggilnya dengan gelaran
 - A. Mak Alang
 - B. Mak Tih
 - C. Mak Uda
 - D. Mak Long

9. Adam merupakanSiti
- abang ipar
 - bapa mentua
 - datuk
 - bapa saudara
10. Pernyataan yang berikut adalah benar *kecuali* ...
- rumah merupakan salah satu keperluan asas manusia yang utama.
 - Kegiatan ekonomi mempengaruhi reka bentuk rumah di kawasan luar bandar.
 - Rumah-rumah di bandar biasanya di kelilingi pelbagai kemudahan untuk para penghuninya.
 - Rumah-rumah di kawasan luar bandar dibina dengan menggunakan bahan-bahan binaan setempat.
11. Apabila mengunjungi ke rumah seseorang, kita harus terlebih dahulu.
- memberi salam
 - membuka kasut
 - mengetuk pintu
 - berjabat tangan
12. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar ?
- Gunakan hujung jari ketika makan dengan tangan.
 - Apabila mengunyah makanan, berbuallah perlahan-lahan.
 - Bangunlah untuk mengambil makanan yang letaknya agak jauh.
 - Letaklah sisa-sisa makanan seperti tulang di atas meja.
13. Sesebuah keluarga akan mengalami perubahan apabila berlakunya ...
- pertambahan dan pengurangan anggota keluarga.
 - Perubahan tempat tinggal dan cara hidup.
 - Perkahwinan anggota keluarga.
 - Pertemuan dengan jiran tetangga.
- A. I dan II C. I, II dan III
B. III dan IV D. I, II, III dan IV
14. Seorang bapa mempunyai tanggungjawab yang berikut *kecuali* ...
- mencari nafkah
 - menyediakan tempat tinggal.
 - Mengubahsuaikan rumah.
 - Memberikan pendidikan.

15. Tanggungjawab anak kepada keluarganya ialah ...
- I. membantu ibu bapa
 - II. mematuhi nasihat ibu bapa
 - III. menjaga nama baik keluarga
 - IV. menghormati ibu bapa
- A. I dan II C. I, II dan IV
B. III dan IV D. I, II, III dan IV
16. Sebagai tanda menghargai harta benda dan untuk menjaga keselamatan diri, kita harus melakukan perkara yang berikut *kecuali* ...
- A. menggunakannya dengan hati-hati.
 - B. Membersihkannya selepas digunakan.
 - C. Menyimpannya semula selepas digunakan.
 - D. Meletakkannya di merata-rata tempat.
17. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang tidak benar ?
- A. Amalan kunjung-mengunjungi dapat mempereratkan hubungan.
 - B. Pertolongan kepada mereka yang memerlukan harus ditonjolkan.
 - C. Perselisihan faham harus diatasi dengan sikap yang terbuka.
 - D. Gejala negatif dapat mewujudkan interaksi yang kurang sihat.
18. Logo, motto, lencana, bendera dan lagu sekolah dapat mencerminkan ...
- A. kemajuan sekolah
 - B. identiti sekolah
 - C. pencapaian sekolah
 - D. kedudukan sekolah
19. Antara kemudahan di sekolah yang dapat digunakan bersama oleh anggota masyarakat ialah ...
- I. padang
 - II. kantin
 - III. dewan
 - IV. bilik sumber
- A. I dan III
B. II dan IV
C. I, II dan III
D. I, III dan IV
20. Siapakah yang mungkin sekali didenda oleh guru disiplin ?
- A. Saraswati mengikat rambutnya yang panjang.
 - B. Leong menunggang basikalnya di kawasan sekolah.
 - C. Ranjit berjalan di kaki lima sekolah.
 - D. Ruminah bertelekung dan berbaju kurung.